

ELEMEN *AL-HILAH* DALAM APLIKASI AKAD *TAWARRUQ* DI BURSA SUQ *AL-SILA'*

THE ELEMENTS OF *AL-HILAH* IN THE APPLICATION OF *TAWARRUQ* CONTRACTS IN BURSA SUQ *AL-SILA'*

Mohamad Rizal, M. N.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

E-mel: rizal@usas.edu.my

Abstrak

Perbankan Islam di Malaysia menggunakan pelbagai akad untuk dijadikan asas bagi produk-produk kewangan Islam. Antaranya adalah akad *tawarruq* yang diperkenalkan bagi menggantikan akad *bay' al-'inah*. Akad *tawarruq* merupakan akad yang paling meluas digunakan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia pada masa kini. Penggunaan yang meluas ini adalah kerana fleksibiliti yang ada pada akad ini untuk dijadikan asas bagi pelbagai produk kewangan meliputi pembiayaan, deposit dan pengurusan kecairan institusi kewangan. Walau bagaimanapun, hukum akad *tawarruq* menjadi pertikaian dalam kalangan sebahagian ulama silam dan kontemporari kerana dikatakan mengandungi elemen *al-hilah*. Tumpuan kajian adalah untuk menganalisis elemen *al-hilah* dan statusnya menurut pandangan para ilmuwan dan sarjana kontemporari dalam produk kewangan iaitu pembiayaan peribadi berasaskan akad *tawarruq* yang ditawarkan melalui platform Bursa Suq al-Sila' (BSAS). Data-data diperoleh melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan melalui temu bual secara mendalam. Data dianalisis menggunakan kaedah-kaedah dalam disiplin ilmu *usul al-fiqh* dan *maqasid al-shari'ah* memandangkan ia melibatkan perbincangan untuk menilai sesuatu perkara itu menurut syarak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak wujud elemen *al-hilah al-ribawiyyah* dalam produk kewangan yang dikaji. Akad *tawarruq* boleh dikategorikan sebagai *al-hilah al-mashru'ah* atau *al-makhrāj* yang selaras dengan *maqasid al-shari'ah*. Oleh itu, pembiayaan peribadi yang berasaskan akad *tawarruq* adalah diharuskan, begitu juga dengan produk-produk kewangan yang lain. Namun, kajian lanjutan perlu dilakukan kerana boleh jadi timbul pula risiko penumpuan (*concentration risk*) jika akad ini digunakan dengan begitu meluas.

Kata kunci: *tawarruq*, produk kewangan, Bursa Suq al-Sila', *al-hilah*, *al-makhrāj*

Abstract

Islamic banking in Malaysia uses various contracts as the basis for Islamic financial products. Among them is the tawarruq contract, which introduced to replace the bay' al-'inah contract. Tawarruq is the most widely used contract by Islamic financial institutions in Malaysia today due to its flexibility, making it suitable for various financial products, including financing, deposits, and liquidity management. However, the legality of the tawarruq contract is debated among both classical and contemporary

scholars, as it is believed to contain elements of al-hilah (legal stratagems). This study focuses on analyzing the elements of al-hilah and their status according to contemporary scholars in financial products such as personal financing based on the tawarruq contract offered through the Bursa Suq al-Sila' (BSAS) platform. Data were obtained through a literature review and field studies, including in-depth interviews. The data were analyzed using methods derived from the disciplines of usul al-fiqh (principles of Islamic jurisprudence) and maqasid al-shari'ah (objectives of Islamic law), as the discussion involves evaluating matters according to Islamic law. The findings indicate that there are no elements of al-hilah al-ribawiyah (usurious stratagems) in the financial products studied. The tawarruq contract can be categorized as al-hilah al-mashru'ah (permissible stratagem) or al-makhraj (legal exit), in line with maqasid al-shari'ah. Therefore, personal financing based on the tawarruq contract, along with other financial products, is permissible. However, further studies are needed, as concentration risk may arise if this contract is used too extensively.

Keywords: *tawarruq, financial products, Bursa Suq al-Sila', al-hilah, al-makhraj*

Pengenalan

Akad *tawarruq* bermaksud pembelian suatu barang secara bertangguh, kemudian menjualnya semula secara tunai kepada selain penjual asalnya, untuk mendapatkan tunai bagi memenuhi keperluan tertentu (Mohamad Rizal, 2021). Pada masa kini, *tawarruq* merupakan akad yang paling meluas digunakan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. Penggunaan yang meluas ini bukan sahaja bagi menggantikan akad *bay' al-'inah* yang dikatakan amat kontroversi, tetapi juga kerana fleksibiliti yang ada pada akad ini untuk dijadikan asas bagi pelbagai produk kewangan meliputi pembiayaan, deposit dan pengurusan kecairan institusi kewangan.

Bursa Suq al-Sila' (BSAS) adalah sebuah platform dagangan komoditi khusus untuk memudah cara pengurusan kecairan dan pembiayaan Islam oleh institusi-institusi kewangan Islam menggunakan akad *tawarruq*. Platform elektronik sepenuhnya berasaskan *web* ini menyediakan satu wadah untuk para peserta industri dari seluruh dunia menjalankan urusan niaga dalam pelbagai komoditi dan mata wang. Segala urusan niaga dan aktiviti BSAS diuruskan oleh Bursa Malaysia Islamic Services Sdn. Bhd. (BMIS), anak syarikat milik penuh Bursa Malaysia yang dikawal selia, telus dan patuh syariah sepenuhnya.

Memandangkan komoditi minyak sawit mentah (MSM) merupakan komoditi utama yang diniagakan di BSAS, pihak BMIS mendapatkan pembekal-pembekal yang mampu membekalkan komoditi dalam jumlah yang besar seperti Felda Plantation, IOI Plantation, Sime Darby Plantation dan juga Wilmar International Limited. Peserta yang terlibat dalam urusan niaga di BSAS ialah:

1. Peserta Pembekal Komoditi (CSPs: *Commodity Supplying Participants*) yang terdiri daripada syarikat pembekal komoditi seperti Felda Plantation dan Sime Darby Plantation.
2. Peserta Pedagang Komoditi (CTP: *Commodity Trading Participant*), iaitu pihak institusi kewangan seperti bank dan koperasi.
3. Peserta Pelaksana Komoditi (CEP: *Commodity Executing Participant*) iaitu platform urusan niaga komoditi seperti BMIS.

Metodologi

Kajian ini secara umumnya adalah penyelidikan kualitatif yang bersifat analisis diskriptif. Tumpuan kajian adalah untuk menganalisis elemen *al-hilah* dan statusnya menurut pandangan para ilmuwan dan sarjana kontemporari dalam produk kewangan iaitu pembiayaan peribadi berasaskan akad *tawarruq* yang ditawarkan melalui platform BSAS. Akad *tawarruq* yang dimaksudkan adalah *tawarruq* terancang (*al-tawarruq al-munazzam*) kerana ia melibatkan institusi kewangan, bukan sekadar penglibatan peringkat individu (*al-tawarruq al-fardi*).

Bagi menyempurnakan kajian ini, penyelidik mengkategorikan rangka kajian kepada dua peringkat tugas dasar, iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Metode pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan atau analisis dokumen dan kajian lapangan yang melibatkan temu bual secara mendalam dengan informan yang terdiri daripada penasihat syariah serta pengurus kanan BSAS yang terlibat bagi mendapatkan data primer. Penasihat syariah ditemu bual untuk mendapat penjelasan dan maklum balas berkaitan elemen *al-hilah* dalam produk yang ditawarkan. Manakala pengurus kanan pula ditemu bual untuk mendapat penjelasan dan maklum balas tentang aspek operasional dan pelaksanaan akad dalam konteks produk kewangan yang dikaji. Data dianalisis menggunakan kaedah-kaedah dalam disiplin ilmu *usul al-fiqh* dan *maqasid al-shari'ah* memandangkan ia melibatkan perbincangan untuk menilai sesuatu perkara itu menurut syarak.

Dapatan dan Perbincangan

Pelanggan yang ingin memohon pembiayaan peribadi akan mengemukakan permohonan daripada bank yang tertentu dan perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jika permohonan diluluskan, bank akan menjalankan transaksi jual beli *tawarruq* dengan platform yang tertentu, seperti BSAS. Pada hari *disbursement*, pihak bank (CTP) akan berurusan dengan pembekal komoditi (CSP) melalui platform BMIS (CEP), yang mengawal selia sistem BSAS (Educator's Manual, 2018; Ahmad Wahidi, 2019; Muhammad Hasan, 2019).

Peringkat Pertama

1. Sebelum pasaran dibuka, tawaran untuk jualan oleh Peserta Pembekal Komoditi (CSPs) dan bidaan untuk membeli oleh Peserta Pedagang Komoditi (CTP) memasuki sistem. Apabila pasaran dibuka, proses pepadanan (*matching*) bermula.
2. CSPs menjual komoditi secara langsung kepada CTP dengan urus niaga tunai, lalu pemilikan dipindah milik kepada CTP.
3. BMIS sebagai ejen penyelesaian bagi CSPs mengutip bayaran daripada CTP, dan e-sijil dijana oleh sistem perincian maklumat perdagangan.

Peringkat Kedua

1. Pihak bank (CTP) menjual komoditi kepada pelanggannya dengan harga kos yang ditambah keuntungan (contoh: RM20,000+RM5,000=RM25,000) secara bertangguh (ansuran) dan melaporkan transaksi tersebut dalam sistem BSAS.
2. Pemilikan komoditi dipindahkan kepada pelanggan.

3. Pelanggan membuat pembayaran ansuran kepada pihak bank berdasarkan tempoh dan ansuran bayaran yang diluluskan.

Peringkat Ketiga

1. Pelanggan atau mana-mana ejen yang dilantik (iaitu pihak bank) menjual komoditi kepada BMIS secara tunai.
2. BMIS membuat pembayaran kepada pelanggan, atau ejen yang dilantik (iaitu pihak bank) di mana pihak bank akan mengkreditkan amaun RM20,000 ke dalam akaun pelanggannya.
3. Pemilikan komoditi dipindahkan kepada BMIS.

Peringkat Keempat

1. BMIS membuat tawaran penjualan komoditi secara rawak.
2. Pemilikan komoditi dipindahkan kepada pembekal.

Analisis

Dalam pelaksanaan akad *al-tawarruq al-munazzam*, elemen melakukan *al-hilah* berlaku dengan memasukkan unsur barang dalam akad jual beli, sedangkan barang tersebut tidak diperlukan langsung oleh pembeli. Keadaan ini dinamakan sebagai *mu'amalah suriyyah*. Dalam konteks perbincangan ini, konsep ini bermaksud, ia adalah jual beli pada zahirnya, tetapi adalah akad yang lain pada hakikatnya iaitu hutang dengan faedah. Hal ini kerana tujuan sebenar *mustawriq* adalah untuk mendapatkan wang tunai dengan perbezaan harga melalui beberapa urus niaga dengan pihak-pihak yang terlibat dan bukannya untuk memiliki barang yang dijual beli.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, Mohamed Fairouz (2019) bersetuju bahawa akad *tawarruq* adalah sebagai *al-hilah*. Hal ini merujuk kepada dua indikator *al-hilah* yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah iaitu (i) memasukkan barang yang tidak diperlukan dalam akad, dan (ii) memasukkan kontrak-kontrak lain yang tidak diperlukan. Dalam konteks ini, barang atau komoditi telah dilibatkan dalam transaksi *tawarruq*.

Walau bagaimanapun, menurut Ibn Taymiyyah, akad *tawarruq* termasuk dalam kategori *al-makhrāj* ataupun *al-hilah al-mashru'ah*. Jika hendak dikatakan “barang yang tidak diperlukan” itu menjadikan akad tersebut bermasalah dari sudut syarak, ia adalah tertolak. Beliau seterusnya meng*qiyas*kan akad *tawarruq* dengan jual beli yang dilakukan oleh peniaga runcit. Dalam kes peniaga runcit yang membeli barang daripada pembekal, barang tersebut bukanlah tujuan akhirnya. Bahkan tujuan sebenar peniaga tersebut adalah untuk mendapatkan keuntungan (tunai) hasil jualan barang tersebut kepada pihak lain dengan harga yang lebih tinggi. Keadaan ini samalah dengan apa yang berlaku dalam transaksi *tawarruq*, di mana barang yang dibeli akan dijual semula kepada pihak lain bagi mendapatkan tunai (Mohamed Fairouz, 2019).

Penyelidik menyimpulkan bahawa pandangan di atas menyatakan akad *tawarruq* sebagai *al-hilah*, tetapi ia termasuk dalam kategori *al-hilah al-mashru'ah* ataupun *al-makhrāj*. Kaedah *qiyas* digunakan untuk menolak pertikaian terhadap “barang yang tidak diperlukan, sebaliknya wang tunai yang dimaksudkan”. Dalam kes jual beli yang dilakukan oleh peniaga runcit, barang yang dibeli daripada

pengilang, pembekal ataupun pengedar bukanlah menjadi tujuan pembelian tersebut. Hal ini kerana, barang tersebut akan dijual pula kepada orang ramai dengan tambahan harga kos untuk mendapatkan keuntungan. Oleh itu, transaksi beli dan jual adalah sebagai wasilah untuk mendapatkan keuntungan dalam bentuk tunai. Situasi ini juga berlaku dalam akad *al-tawarruq al-munazzam*, di mana pembelian komoditi dan diikuti penjualannya semula adalah untuk mendapatkan tunai atau kecairan. Komoditi itu sendiri bukanlah menjadi tujuan utama pihak yang melakukan transaksi.

Pandangan di atas selari dengan apa yang dikemukakan oleh Ridzwan (2019) yang tidak mempertikaikan berlakunya akad jual beli dengan tujuan mendapat keuntungan melalui perniagaan yang diaturkan. Walaupun beliau berpendirian tujuan mendapatkan tunai melalui akad jual beli yang diaturkan adalah tidak salah, namun transaksi tersebut mestilah jelas dan benar-benar berlaku (Ridzwan, 2019).

Ashraf (2019) menolak pernyataan akad *tawarruq* sebagai *mu'amalah suriyyah* yang dikatakan terlibat dengan elemen riba melalui perbezaan harga, dengan menegaskan bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara riba dengan akad jual beli yang dijalankan oleh IPI. Dalam transaksi *tawarruq*, harga jualan adalah tetap, sekalipun barang yang dijual beli tidak diperlukan oleh *mustawriq*. Hal ini kerana transaksi yang dijalankan adalah pembiayaan berasaskan akad jual beli (*sale based financing*) yang mempunyai harga jualan yang jelas. Berbeza dengan transaksi riba, ia tidak mempunyai had siling dalam menentukan berapa jumlah sebenar yang akan dibayar oleh penghutang (pelanggan) kepada pemiutang (pihak bank). Hal ini disebabkan, selagi pelanggan tidak selesai membayar komitmen hutangnya, kadar ribanya akan sentiasa bertambah kerana berlaku pertambahan tempoh dan juga berdasarkan kadar asas pinjaman (BLR - *Base Lending Rate*) yang ditetapkan.

Pandangan di atas menggariskan perbezaan antara ciri utama jual beli (*al-tawarruq al-munazzam*) yang dihalalkan, dengan riba (hutang beserta faedah) yang diharamkan dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

(Surah al-Baqarah 2: 275)

Ciri yang dibincangkan adalah merujuk kepada rukun jual beli, iaitu ada barang yang diurus niaga dengan harga yang telah dipersetujui. Perkara ini sememangnya berlaku dalam transaksi akad *al-tawarruq al-munazzam* di BSAS. Terdapat lima komoditi utama yang dijual beli di BSAS adalah CPO (minyak sawit mentah), RBD (*refined, bleached, deodorised palm olein*), *polyethylene* (plastik resin), kayu keras dan kayu lembut. Manakala harga yang ditetapkan bergantung pada amaun yang dipohon oleh pelanggan dan juga kadar keuntungan yang ditentukan oleh pihak bank (Ahmad Wahidi, 2019). Harga juga mempunyai had siling yang sekaligus menafikan unsur *gharar* dalam penentuan harga yang tidak pasti.

Adapun barang atau komoditi tersebut, sama ada dikehendaki oleh pelanggan bank atau tidak, bukanlah menjadi isu kerana yang penting pelanggan memang memiliki komoditi tersebut dan dia mempunyai kebebasan penuh sama ada hendak memilikinya (*taking delivery*) atau menjualnya semula dengan mewakilkannya kepada pihak bank. Penyelidik berpandangan, pada zahirnya rukun dan syarat-syarat bagi jual beli memang berlaku dalam akad *al-tawarruq al-munazzam* yang dijalankan di BSAS. Oleh itu, ia adalah akad yang sah dan diharuskan menurut syarak.

Manakala elemen riba pula sama ada riba hutang (*riba al-qurud*) ataupun riba jual beli (*riba al-buyu'*) tidak berlaku kerana transaksi yang terlibat adalah transaksi jual beli dan bukannya hutang. Manakala komoditinya pula bukanlah daripada senarai barang *ribawi* iaitu mata wang dan makanan asasi. Seorang informan juga tidak melihat *mu'amalah suriyyah* sebagai isu yang dipertikaikan selagi mana rukun akad dipenuhi, pertukaran hak milik berlaku dan pihak yang terlibat mempunyai kebebasan dalam urus niaga (*hurriyah al-tasarruf*) yang dijalankan (Atikullah, 2019).

Memandangkan isu ini dikaitkan juga dengan *al-dhari'ah* atau jamaknya *al-dhara'i'*, penyelidik berpandangan perlu juga dibincangkan doktrin *sadd al-dhara'i'* secara ringkas. Walaupun kaedah *sadd al-dhara'i'* tidak disepakati ulama sebagai sumber hukum, penyelidik berpandangan ia boleh dan perlu diambil kira dalam masalah *bay' al-tawarruq*. Untuk memperincikan lagi perbincangan, penulis mengupas secara ringkas kaedah ini dan kaitannya dengan *bay' al-tawarruq* dan *bay' al-'inah* seperti berikut.

Menurut al-Zuhayli (1998), *al-dhari'ah* (mufrad bagi *al-dhara'i'*) bermaksud jalan atau wasilah yang dengannya boleh menyampaikan kepada sesuatu. *Sadd al-dhara'i'* pada istilah fuqaha bermaksud sekatan daripada sampai kepada sesuatu yang merosakkan (mafsadah) jika natijahnya adalah kerosakan. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2000) membahagikan *al-dhara'i'* kepada empat bahagian, iaitu:

1. Jalan atau wasilah yang ditentukan boleh membawa kepada kerosakan (*mafsadah*), seperti minum arak yang boleh membawa kepada mabuk dan zina yang boleh membawa kepada percampuran nasab.
2. Jalan atau wasilah yang ditentukan boleh membawa kepada perkara yang diharamkan, tetapi digunakan untuk perkara yang ditegah. Contohnya melakukan "cina buta" dan jual beli yang bermaksudkan riba.
3. Jalan atau wasilah yang ditentukan boleh membawa kepada perkara yang diharamkan, dan tidak digunakan untuk perkara yang ditegah, tetapi kebiasaannya boleh membawa kepada perkara yang ditegah dan mafsadahnya mengatasi *masalahnya*. Contohnya mencela tuhan berhala orang musyrikin di hadapan mereka. Begitu juga berhiasnya seorang perempuan dalam tempoh idah kematian suaminya.
4. Jalan atau wasilah yang ditentukan boleh membawa kepada perkara yang diharamkan, tetapi boleh jadi membawa kepada perkara yang ditegah dan *masalahnya* mengatasi mafsadahnya. Contohnya menyatakan kebenaran di hadapan pemimpin yang zalim dan melihat perempuan yang dipinang.

Menurut Bouheraoua (2009) ulama sepakat akan keharusan kategori yang keempat. Begitu juga mereka sepakat menolak keharusan kategori yang pertama. Adapun kategori yang kedua dan ketiga, para fuqaha berselisih pendapat mengenainya.

Al-Zuhayli (1998) menyatakan Imam Malik dan Ahmad mengiktibar *sadd al-dhara'i'* sebagai salah satu sumber mensabitkan hukum. Imam Abu Hanifah dan Syafi'i pula menerimanya dalam sebahagian perkara dan menolaknya pada hal-hal yang lain. Manakala Ibn Hazm pula menolak kaedah ini secara umum. Walau bagaimanapun, ulama sepakat bahawa tidak boleh tolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan secara mutlak. Begitu juga pada perkara yang boleh membawa kepada

kebaikan atau kejahatan, mereka sepakat bahawa jika pada melakukannya ada kebaikan kepada manusia, maka ia tidak ditegah.

Apa yang menjadi titik perselisihan dalam kalangan mereka ialah pada wasilah yang zahirnya adalah harus, iaitu yang berkaitan dengan *buyu' al-'ajal* (*bay' al-'inah* dan juga *bay' al-tawarruq al-munazzam* bagi golongan yang menyamakan antara kedua-duanya). Namun perlu dijelaskan, jika memang nyata niat melakukan riba maka ia tidak dibolehkan dalam keadaan apa sekalipun. Tegasnya, apa yang menjadi khilaf ialah dalam keadaan tidak zahirnya tujuan melakukan perkara yang ditegah iaitu riba (al-Zuhayli, 1998).

Atas dasar ini, al-Malikiyyah dan al-Hanabilah membatalkan *bay' al-'inah* (dan juga *bay' al-tawarruq al-munazzam*) kerana bagi mereka akadnya itu sendiri menjadi petunjuk adanya tujuan melakukan riba. Ini kerana kesudahan akad ini ialah untuk mendapatkan tunai dan membayarnya dengan harga yang lebih tinggi (secara bertangguh), manakala barang hanyalah sebagai perantara sahaja (al-Zuhayli, 1998).

Abu Hanifah pula membatalkan *bay' al-'inah* (dan juga *bay' al-tawarruq al-munazzam*) atas asas bahawa jika harga dalam jualan yang pertama belum diselesaikan, maka jual beli itu menjadi tidak sempurna. Maka, hukum jual beli yang kedua adalah tidak sah kerana ia tertakluk atas hukum jual beli yang pertama. Oleh itu, pembeli yang pertama tidak boleh menjualnya semula kerana barang tersebut belum dimiliki secara sempurna. Jual beli ini mengandungi elemen *riba al-fadl* dan *al-nasa'* kerana unsur tangguh pada tempoh dan lebihan pada harga barang yang perlu dibayar. Atas dasar inilah jumhur fuqaha menyatakan fasadnya *bay' al-'inah* kerana ia merupakan *dhari'ah* kepada riba (al-Zuhayli, 1998).

Adapun Imam Syafi'i, beliau mensahihkan akad ini secara *qada'* (hukum duniawi) dan menyerahkan aspek niat dan motif secara *diyanah* (hukum ukhrawi). Ini bermakna, akad tersebut menjadi haram kerana adanya tegahan mengenainya, tetapi tegahan tersebut tidak membawa kepada terbatalnya akad sekalipun membawa kepada mafsadah dan maksiat (al-Zuhayli, 1998).

Penyelidik cenderung kepada pandangan di atas kerana dalam perbincangan ilmu usul fiqh menurut metodologi jumhur, hukum syarak terbahagi kepada dua; *taklifi* dan *wad'i*. Kedua-dua hukum ini perlu diaplikasikan dalam sesuatu masalah bagi menentukan kedudukannya dalam *al-Fiqh al-Islami*. Memandangkan bahawa rukun dan syarat-syarat jual beli dipenuhi dalam akad *bay' al-tawarruq al-munazzam*, maka ianya dihukumkan sah berasaskan hukum *wad'i*, dalam keadaan tidak zahir niat melakukan riba.

Oleh itu, bagi sesiapa yang telah melakukan akad *bay' al-tawarruq (al-munazzam)* dengan menyembunyikan niatnya sebagai helah kepada riba, akadnya dihukumkan sah jika cukup rukun dan syaratnya dari sudut hukum duniawi (*qada'*), tetapi menjadi haram dari sudut hukum ukhrawi (*diyanah*) kerana niat yang terlindung itu. Penyelidik berpandangan sedemikian kerana jika akad tersebut dihukumkan batal atau tidak sah, maka ia boleh meruntuhkan prinsip *istiqrar al-ta'amul* (kestabilan dalam muamalat) kerana faktor yang tidak jelas (*tawahhum*).

Perbincangan ringkas di atas adalah berdasarkan pandangan sebahagian sarjana yang menyamakan akad *bay' al-tawarruq (al-munazzam)* dengan *bay' al-'inah* (Bouheraoua, 2009; al-

Hunayti, 2009; al-Rushaydi, 2005). Walau bagaimanapun, penyelidik cenderung pada pandangan yang menyatakan bahawa akad *tawarruq* merupakan satu bentuk muamalat yang tersendiri (*mu'amalah mustaqillah*) dan tidak dimasukkan di bawah kategori *bay' al-'inah*.

Kesimpulan

Penyelidik menyimpulkan bahawa kesemua pakar syariah yang ditemu bual tidak melihat elemen *mu'amalah suriyyah* sebagai isu yang signifikan dalam perbincangan hukum akad *tawarruq*. Hal ini kerana akad *tawarruq* yang dilaksanakan adalah satu bentuk jual beli yang hakiki, cukup rukun dan syaratnya, mempunyai tujuan yang tidak bercanggah dengan syarak dan implikasi akadnya dari sudut pemilikan, tanggungan risiko dan kebebasan mengurus niaga bagi pihak pembeli adalah sabit.

Pernyataan di atas disokong oleh Muhammad Hasanan (2019) bahawa urus niaga komoditi yang berlaku di BSAS adalah urus niaga yang sebenarnya berlaku di mana penasihat BSAS dan beberapa sarjana dalam bidang perbankan Islam telah melakukan lawatan tapak untuk melihat sendiri wujud atau tidak komoditi yang didagangkan, di mana dan bagaimana komoditi disimpan, status patuh syariahnya dan juga kawal selia yang dilakukan.

Begitu juga Ahmad Wahidi, memberi jaminan bahawa komoditi yang didagangkan dalam urus niaga BSAS adalah komoditi yang sebenar, seperti minyak sawit mentah (MSM) dan lain-lain (Ahmad Wahidi, 2019). Perincian dari sudut siapa pihak pembekal, di mana ia disimpan, bahkan dalam tangki yang mana satu ia disimpan boleh dimaklumkan kepada pembeli yang terlibat melalui e-sijil yang dijana. Perkara ini dilakukan untuk benar-benar mensabitkan pemilikan dan membolehkan berlakunya *physical delivery*.

Namun, realitinya memang tidak pernah berlaku *physical delivery* oleh pembeli (pelanggan bank atau pemohon pembiayaan) yang terlibat kerana tujuan sebenar mereka adalah untuk mendapatkan tunai. Oleh itu, komoditi tersebut akan dijual semula bagi merealisasikan tujuan asal tersebut (Ahmad Wahidi 2019; Muhammad Hasanan, 2019).

Kesimpulannya, akad *tawarruq* boleh dikategorikan sebagai *al-hilah al-mashru'ah* atau *al-makhrāj* yang selaras dengan *maqasid al-shari'ah*. Oleh itu, pembiayaan peribadi yang berasaskan akad *tawarruq* adalah diharuskan, begitu juga dengan produk-produk kewangan yang lain. Namun, kajian lanjutan perlu dilakukakan kerana boleh jadi timbul pula risiko penumpuan (*concentration risk*) jika akad ini digunakan dengan begitu meluas.

Rujukan

- Ahmad Wahidi, M. (En. Ahmad Wahidi Mohamad, Senior Manager, Bursa Suq al-Sila' (BSAS), Islamic Capital Market, Bursa Malaysia Berhad). (2019). Temu bual, 21 Februari.
- Al-Hunayti, Hana' Muhammad Hilal. (2009, April 26-30). Al-Tawarruq Haqiqatuh, Anwa'uh (al-Fiqh al-Ma'ruf wa al-Masrif al-Munazzam). Persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islam Antarabangsa, 'Imarah al-Shariqah, UAE.
- Al-Rushaydi, Ahmad Fahd. (2005). *'Amaliyyat al-Tawarruq wa Tatbiqatuha fi al-Masarif al-Islamiyyah*. Dar al-Nafa'is.

- Al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jilid 2. Dar al-Fikr.
- Ashraf, Md. H. (Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim, Pengerusi Penasihat Syariah Bursa Suq al-Sila'). (2019). Temu bual, 15 Februari.
- Atikullah, Abdullah. (Prof. Madya Dr. Atikullah Abdullah, Pensyarah School of Humanities, USM, mantan Penasihat Syariah Agrobank). (2019). Temu bual, 3 Mei.
- Bouheraoua, Sa'id. (2009, April 26-30). Al-Tawarruq al-Masrif Dirasah Tahliliyyah Naqdiyyah li al-Ara' al-Fiqhiyyah. Persidangan ke-19, Akademi Fiqh Islam Antarabangsa, 'Imarah al-Shariqah, UAE.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Abu 'Abd Allah Muhammad. (2000). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. (tahqiq: Bashir Muhammad 'Ayun). Jilid 1 & 2. Maktabah Dar al-Bayan.
- Mohamad Rizal, M.N. (2021). *Elemen al-Hilah dalam Produk Kewangan Berasaskan Akad al-Tawarruq yang Ditawarkan oleh Institusi Kewangan Islam di Malaysia*. [Tesis Ph.D], Universiti Sultan Azlan Shah.
- Mohamed Fairouz, A. K. (Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir, Pengerusi Penasihat Syariah Agrobank dan Penasihat Syariah Maybank Islamic). (2019). Temu bual, 13 Mac.
- Muhammad Hasanan, Y. (Ustaz Muhammad Hasanan Yunus, Senior Manager, Shariah & Governance, Islamic Capital Market, Bursa Malaysia Berhad). (2019). Temu bual, 21 Februari.
- Ridzwan, Ahmad. (Dr. Ridzwan Ahmad, Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). (2019). Temu bual, 9 Disember.